

SAMUDERA



***Empat Mahasiswa UMT
Menang Anugerah
Tokoh Siswa 2016***

***UMT Anjur Kempen
Jaga Kebersihan
Pantai dan Laut***

***SUAPP 16/17
Capai Matlamat
Mahasiswa UMT***



Sidang Redaksi

PENAUNG

Naib Canselor UMT
YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar

PENASIHAT

Pengarah Penerbit UMT
YH Dato' Prof. Madya Dr. Noraïen Mansor

EDITOR PENGURUSAN

Rabil Sitta Abdul Rahman

KETUA PENGARANG

Nurul Hidayah Nor Azam

TIMBALAN KETUA PENGARANG

Ahmad Arieff Ahmad Azriff

PEMBACA PRUF

Nur Sha'im Azman

PEREKA

Muhammad Adli Hashim

JURUFOTO

Khairil Ammirol Tan Tan See King @
Muhammad Asmadi Tan

WARTAWAN

Nurul Farhana Ismail
Mohammmd Asraf Adhwa Masimen
Aisyah Sulaiman
Muhammad Najmi Nazari
Siti Nur Hidayah Jasmi
Nazirul Naim
Wartawan SAMUDERA

Hak Cipta Terpelihara © 2017. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Tinta Ketua Pengarang

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera Salam UMT Cita Warisan,

Seperti mana yang kita tahu, bulan Sya'ban adalah salah satu bulan yang diagungkan dalam Islam di mana terdapat malam Nifsu Sya'ban (malam 15 Sya'ban) di dalam bulan itu.

Hafiz Abu Thahir mengatakan bahwa; "*Bulan Sya'ban bulan antara Rejab dan Ramadan adalah di saat manusia lalai. Bulan tersebut adalah bulan dinaikannya berbagai amalan kepada Allah, Rabb Semesta Alam. Oleh kerana itu, aku amatlah suka untuk berpuasa ketika amalanku dinaikkan.*" - HR An-Nasa'i.

Berdasarkan hadis tersebut, amatlah digalakkan untuk kita berebut melakukan kebaikan dan mengejar pahala. Walau bagaimanapun, setiap bangsa dan agama di Malaysia mahupun Cina, India dan Kristian menyuruh untuk melakukan kebaikan setiap masa.

Di alam universiti juga, mahasiswa saling bantu antara satu sama lain dari sudut akademik mahupun kokurikulum. Bekerjalah dalam organisasi; *ibarat aur dengan tebing*. Apabila kita menolong antara satu sama lain secara tidak langsung kita belajar perkara baharu dan peroleh pelbagai pengalaman.

Selain itu, perlu kita melatih diri untuk menjadi orang yang bersabar dan sentiasa melakukan kebaikan. Jadilah orang yang disenangi dan belajar untuk menerima kelemahan orang lain. Semoga mahasiswa UMT berlumba-lumba mengejar kebaikan dalam kehidupan seharian.

Akhir kata, Sidang Redaksi juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Guru kepada seluruh guru di Malaysia dan Salam Ramadan kepada semua warga UMT.

Nurul Hidayah Nor Azam
Ketua Pengarang

KANDUNGAN



4

Empat Mahasiswa UMT

Menang Anugerah Tokoh Siswa 2016

6

MPP UMT Menang

Pitch for Progress

8

UMT Anjur Kempen

Jaga Kebersihan Pantai dan laut

10

Farah Fareena

dari Tauke Bakeri ke Pengurus KOSISWA

12

Misi kemanusiaan

Kemboja-Vietnam (Misi KV) 2017

14

Sarah Wakil UMT

ke Dewan Parlimen Mahasiswa London

16

Sambutan Hangat di Bicara Santai

Bersama Ustaz Hadi Fayyadh

17

Kelab Mahasiswa

Pengurusan Pemasaran

19

UPAC Ruang Mahasiswa Fizik

Kongsi Idea

22

Kenali Kelab

Amatur Intelektual

23

SUAPP 16/17

Capai Matlamat Mahasiswa UMT

25

Rugbi

Rempuh atau dirempuh?

28

Kata-kata Hikmah



Empat Mahasiswa UMT Menang Anugerah Tokoh Siswa 2016

oleh: Nurul Farhana Ismail

Seramai empat orang mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah mengharumkan nama UMT di peringkat kebangsaan apabila dipilih sebagai pemenang Anugerah Tokoh Siswa 2016. Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2016 telah diadakan pada 25 Mac 2017 bertempat di Dewan Sultan Iskandar, UTM Skdai, Johor. Majlis telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh.

Majlis yang dianjurkan bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada mahasiswa di Universiti Awam (UA) yang terlibat dengan program bukan akademik. Empat mahasiswa UMT yang telah menang ialah; Saudara Muhammad Fareeq Kumar Ulaghanathan sebagai pemenang bagi Anugerah Pemimpin Fakulti/ Persatuan/ Kelab, Saudara Mohd Nurhanies Farissa Irwan Muhammad sebagai pemenang bagi Anugerah Pemimpin Program Keusahawanan, Saudara Muhammad Asyraff Afif Ramli sebagai pemenang bagi Anugerah Pemimpin Sukarelawan (Terbuka) dan Saudara Mohd Faizal Abdul



Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh menyampaikan ucapan perasmian.



Pemenang Anugerah Tokoh Siswa 2016 bersama Bonda Naib Canselor UMT.

Wahab kerana memenangi Anugerah Penghargaan Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang menang,

semoga kejayaan mereka menjadi sumber inspirasi kepada mahasiswa dan mahasiswi UMT untuk bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum di universiti.



MPP UMT Menang *Pitch for Progress*

oleh: Mohammad Asyraf Adhwa Masimen

Seramai tiga orang wakil daripada Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu (MPP UMT) sesi 2016/2017 telah berentap dengan 37 Institusi Pengajian tinggi Malaysia yang lain dalam pertandingan Pitch for Progress 2017 pada 3-5 Mac 2017.



Setiap Institusi Pengajian Tinggi yang bertanding perlu menghantar tiga orang wakil dan UMT telah diwakili oleh Saudara Abdul Aziz Mohamed Ridzwan, Saudara Mohammad Asyraf Adhwa Masimen dan Saudari Nurul Aiza Zukefli dan nama pasukan tersebut ialah *RV Discovery*.

Pertandingan ini telah

diadakan di Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kuala Lumpur dan telah dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) dengan kerjasama The Organisation for National Empowerment (ONE) dan UniKL.

Pertandingan ini telah diadaptasikan daripada *Business Pitch* di mana seseorang itu perlu mengemukakan idea

mereka dalam masa yang singkat kepada pelanggan mereka untuk mendapatkan tender yang dikehendaki.

Dalam pertandingan ini, para peserta perlu mengemukakan idea mereka berkenaan isu 'Bagaimanakah Cara untuk Mengubah Persepsi Masyarakat Terhadap KPT' dan yang menarik berkenaan pertandingan ini, peserta hanya diberi masa dua minit sahaja untuk mengemukakan idea mereka kepada panel juri.

Pertandingan ini mempunyai dua peringkat, iaitu peringkat saringan dan peringkat akhir. Sebelum peringkat saringan dijalankan, para peserta telah diajar teknik-teknik untuk menyampaikan idea mereka yang bernas untuk dipadatkan dalam pembentangan dua minit oleh pihak ONE.

Selepas para peserta menjalani bengkel latihan *Pitch* oleh pihak ONE, peringkat saringan telah dijalankan di



mana semua pasukan yang bertanding perlu melalui dua minit pembentangan dan tiga minit sesi soal jawab oleh para juri yang terdiri daripada pihak ONE.

Hanya lapan pasukan sahaja daripada 37 pasukan yang layak ke peringkat akhir dan UMT merupakan salah satu pasukan yang berjaya ke peringkat akhir.

Format untuk peringkat akhir ini masih sama seperti peringkat saringan dan para finalis perlu mempersembahkan pembentangan mereka di hadapan YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia yang bertindak sebagai ketua juri untuk pusingan akhir.

RV Discovery telah mengemukakan idea untuk melakukan soal selidik kepada rakyat Malaysia bagi mendapatkan pandangan mereka terhadap KPT dan seterusnya membuat video berkenaan maklum balas yang diberikan dalam soal selidik tersebut bagi mengubah tanggapan mereka terhadap KPT.



Idea yang ringkas dan padat oleh kumpulan *RV Discovery* telah berjaya menawan hati para juri sekali gus berjaya memenangi

pertandingan tersebut dan berjaya mendapatkan geran sebanyak RM6,000.00 bagi melaksanakan idea tersebut.



UMT Anjur Kempen Jaga Kebersihan Pantai dan Laut

oleh: Wartawan Samudera



Aktiviti sihat, Bonda Naib Canselor turut bersenam bersama-sama peserta.

Meneruskan agenda tahunannya, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sekali lagi meneruskan Karnival Program World Ocean Week 2017 pada tahun ini. Kali ini, UMT telah memilih Pantai Teluk Ketapang sebagai lokasi berlangsungnya Program *Beach Clean Up* atau program membersihkan pantai. Program membersihkan pantai ini turut

dimeriahkan dengan kehadiran bonda Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar. Bonda Naib Canselor UMT bersama-sama Pegawai-pegawai Utama dan Pegawai-pegawai Kanan UMT telah bersama-sama menyertai aktiviti seperti senam tari, sukan rakyat dan juga aktiviti gotong-royong membersihkan pantai.

Aktiviti ini juga dimeriahkan dengan kehadiran pelajar-pelajar UMT. Penganjuran aktiviti gotong-royong sebegini dapat memupuk kesedaran dalam kalangan warga UMT dan juga komuniti setempat untuk sama-sama menjaga kebersihan pantai dan juga laut. Sebanyak 902.87 kg sampah dapat dikumpulkan hasil gotong-royong staf dan juga pelajar UMT.



Bonda Naib Canselor menyampaikan plastik sampah sebagai simbolik bermulanya aktiviti gotong-royong pembersihan pantai.



Bonda Naib Canselor turut menandatangani ikrar untuk memulihara dan menjaga kebersihan pantai.



Aktiviti mencantumkan puzzle dalam kalangan kanak-kanak.

Kesedaran ini juga turut dipupuk dalam kalangan generasi kanak-kanak di mana turut dianjurkan aktiviti menarik berkaitan kelautan seperti pertandingan mewarna, mencantumkan *puzzle* dan sebagainya. Dalam keseronokan ini, kanak-kanak diberi kesedaran betapa penting nya bagi mereka menjaga kebersihan pantai dan juga laut.



Sukan rakyat larian upih dihidupkan kembali.



Semoga lafaz ikrar untuk menjaga kebersihan pantai ini terus diamalkan.


Farah Fareena

dari Tauke Bakery ke Pengurus KOSISWA

oleh: Wartawan Samudera

Jejak Alumni Samudera UMT kali ini ingin memperkenalkan alumni UMT yang bertubuh kecil tetapi berjiwa besar. Beliau ialah Nik Nurfarah Fareena Auddin merupakan Pengurus, KOSISWA UMT Berhad. Beliau mula dilantik sebagai Pengurus KOSISWA tahun 2014. Sebelum itu, beliau berkhidmat di Ernst & Young sebagai Juruaudit. Beliau juga mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan semenjak dari tahun 2009.

Beliau telah menyertai pelbagai pertandingan perniagaan dan telah memenangi beberapa anugerah seperti Anugerah Emas BSN Intervarsity Challenge, Anugerah Emas Community Research & Innovation Competition (CoRIC) dan Anugerah Projek Pertandingan Siswa IPT Terbaik. Sebagai penghargaan pencapaian beliau, Universiti Malaysia Terengganu telah menganugerahkan Anugerah Naib Canselor pada tahun 2012, Anugerah Pengantarabangsaan Pelajar tahun 2011, dan Anugerah Khas Jabatan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE). Beliau



kerap dijemput untuk berkongsi pengalaman dengan banyak pihak khususnya sebagai penceramah dan panel. Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Malaysia Terengganu Sesi 2008/2012.

Mula Berniaga

Farah memulakan perniagaan pada Semester 2, pengajiannya di UMT dengan pembukaan perniagaan bakeri di Lot Student Mall, Dataran Asrama. Farah mengambil peluang pada ketika itu tiada bakeri di dalam kampus mahu pun di sekitar kampus UMT. Alhamdulillah, perniagaannya sekarang telah menjadi *incubator* pusat latihan pelajar dan

berkolaborasi dengan pihak UMT.

Kejayaan Farah turut diraikan oleh Bonda Naib Canselor UMT, Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar.

Inspirasi

Menyentuh mengenai bakat perniagaan yang dimilikinya, Farah menjelaskan bahawa ia diwarisi melalui kedua ibu bapanya. Ibunya merupakan usahawan berjaya suatu ketika dulu. Ibunya sejak dari kecil didedahkan dengan perniagaan dan sekarang beliau tidak perlu lagi bekerja pada usia tua. Kata Farah, cara ibu bapanya mendidik mereka untuk membuat perancangan tentang kerjaya dan persediaan kepada beliau dan adik



utama beliau ketika itu adalah faktor usianya sebagai pemilik perniagaan yang masih muda. Jelas Farah, “Untuk menangani masalah staf yang tidak boleh bekerja dengan pengawasan minimum amat mencabar.” Farah juga berhadapan dengan masalah pecah amanah dan kehilangan wang. Bagi menangani permasalahan ini, beliau belajar untuk memperbaiki sistem pengurusan perniagaannya. Bagi Farah, cabaran utama dalam perniagaan ialah pengurusan kewangan, operasi dan rakan kongsi. Kata Farah lagi, “Jika tidak ada cabaran, kita tidak akan tahu apa yang kita tidak tahu dan kita tidak akan belajar benda yang baharu.”



beradik amat dikagumi. Kata Farah lagi, “Untuk menyusahkan ibu bapa adalah perkara terakhir yang akan saya lakukan, selagi mana saya boleh usaha sendiri.”

Cabaran

Tiada kerjaya yang tidak memberikan cabaran dan dugaan. Begitu juga pengalaman perniagaan yang dilalui oleh Farah. Beliau juga berhadapan dengan pengurusan masa dan staf. Cabaran

Pencapaian

- 2009 : Anugerah Dekan 2009
- 2010 : Kelas Pembuatan Roti di Dubai Islamic School, Kemboja
- 2010 : Anugerah Projek IPT Siswa Terbaik
- 2010 : Tempat Ketiga, Real Business Challenge Competition Unikl
- 2011 : Community Research & Innovation Award
- 2012 : BSN Intervarsity Award
- 2012 : Anugerah Pengantarabangsaan Pelajar (Jakarta-Bogor-Bandung)
- 2012 : Anugerah Naib Canselor
- 2012 : Anugerah Khas Jabatan Fakulti Pengurusan EKonomi 2012

Misi Kemanusiaan Kemboja-Vietnam (Misi KV) 2017

oleh: Aisyah Sulaiman

Program pengantarabangsaan Misi Kemanusiaan Kemboja-Vietnam ini telah diadakan selama 6 hari dari 21 Mac hingga 27 Mac 2017. Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai matlamat untuk menjadikan Event Management Club (EMAC) UMT berprestij bukan sahaja di UMT, malah di antara Universiti-universiti Awam (UA) di seluruh Malaysia. Secara tidak langsung, ia turut dapat mengharumkan nama UMT dan EMAC di peringkat kebangsaan. Selain itu, dengan adanya program ini, ia dapat melahirkan mahasiswa/i bukan sahaja berpengetahuan dalam akademik malah mahasiswa/i yang mempunyai sikap sukarelawan dalam diri masing-masing demi kelestarian sejagat.

Program kemanusiaan untuk masyarakat Islam di Kemboja telah dirasmikan oleh Dr. Sos Mousine iaitu Presiden Persatuan Perubatan Islam Kemboja yang juga merangkap Timbalan Menteri Kementerian Kebudayaan dan Agama. Program ini telah dihadiri oleh 42 orang peserta yang terdiri daripada ahli-ahli EMAC UMT.



Program ini turut disertai oleh Presiden NGO Asas Sukarelawan Asas Sejahtera (ASAS), Pn. Siti Noraishah Tan Sri SM Salim, dua orang pegawai pengiring, serta enam orang doktor daripada Malaysia. Program di Kemboja telah berlangsung selama 3 hari. Selepas itu, bantuan kemanusiaan

diteruskan di Vietnam dengan memberi sumbangan keperluan asas seharian dan kitab-kitab Islamik kepada penduduk Islam di Maahad Anwar District 8, Kampung Chaeh Ty Ninh, Vietnam.

Aktiviti pertama yang telah dilakukan oleh para sukarelawan UMT setelah tiba rumah Ustaz



Bekalan pam air diberikan kepada kampung.

di Kemboja ialah membungkus pek makanan, keperluan asas dan *hygiene pack* yang telah dibahagikan mengikut aktiviti kepada penduduk kampung di Wilayah Kampung Chhnang,

mereka menjaga kebersihan diri seperti memotong kuku dan rambut kanak-kanak disitu. Pada masa yang sama, pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada penduduk

makanan dan keperluan asas telah diberikan kepada penduduk Kampung Chu Chi. tempat terakhir pemberian barang-barang sumbangan kami iaitu di Maahad Anwar District 8 yang terletak di bandar Ho Chi Minh, Vietnam. Sumbangan barang keperluan dan kitab-kitab Islamik diberikan kepada penduduk khususnya kepada pelajar yang mengaji di maahad ini.

Sepanjang aktiviti ini dijalankan, pelbagai pengalaman baru yang dapat kami pelajari apabila melihat kedaifan dan kesusahan penduduk Kemboja dan Vietnam. Pada masa yang sama, kami dapat mengetahui dan mempelajari latar belakang berlakunya peperangan sehinggalah merdeka di Kemboja dan Vietnam. Secara tidak langsung, lahirlah perasaan syukur terhadap Ilahi dengan segala jenis kesenangan dan kemewahan yang diberikan kepada kami selama kami masih hidup. Selain itu, aktiviti ini dapat meningkatkan keyakinan diri bukan sahaja dari segi berkomunikasi malah juga dapat membentuk semangat kerjasama antara satu sama lain. Akhirnya, sepanjang misi ini dijalankan, kami dapat memupuk dan meningkatkan kemahiran untuk menyelesaikan masalah dengan berfikir secara rasional dan kritikal walaupun dalam keadaan tertekan.



Kampung Provek Pong 2.

Pada keesokkannya, aktiviti diteruskan dengan aktiviti *indoor* dan *outdoor* telah dijalankan di dalam kawasan masjid serta di luar masjid. Seramai 300 orang kanak-kanak terlibat dengan aktiviti ini. Aktiviti yang dijalankan untuk aktiviti *indoor* adalah seperti pertandingan azan, pertandingan membaca al-Quran, pertandingan mewarna dan sebagainya manakala aktiviti sukaneka yang dijalankan adalah meniup belon paling besar, memasukkan gelang getah dalam straw dan membawa bola ping pong dalam sudu. Selain itu, aktiviti penjagaan diri dan kebersihan turut diadakan untuk kanak-kanak tersebut. Para sukarelawan turut mengajar

kampung terutamanya kepada golongan kanak-kanak, wanita dan orang tua turut dijalankan oleh lebih kurang enam orang doktor dari Kemboja dan enam orang doktor dari Malaysia serta bantuan daripada empat orang sukarelawan UMT. Seterusnya, aktiviti diteruskan dengan aktiviti menyampaikan sumbangan pam air kepada penduduk kampung sekitar itu.

Perjalanan kami diteruskan ke Kampung Chhnokru iaitu sebuah perkampungan atas air. Di sana, kami telah mengagihkan barang-barang keperluan seperti *food pack* kepada kanak-kanak yang menuntut ilmu di madrasah itu dan beras kepada penduduk kampung. Semasa di Vietnam, agihan

Sarah Wakil UMT ke Dewan Parlimen Mahasiswa London

Sarah Rahim, 23 tahun, mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu (UMT) merupakan salah seorang daripada 18 orang pelajar universiti tempatan yang terpilih oleh Majlis Wakil Rakyat (MUBARAK) bersama universiti ke “Global Leadership Program for Parliament Student 2017 at Oxford London.”

Siti Sarah Rahim merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maritim, Semester 6. Sarah dilahirkan pada 6 Januari 1994 di Hospital Pulau Pinang. Beliau merupakan anak keempat daripada enam orang adik-beradik. Sarah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bagan Jermal dan Sekolah Kebangsaan Pokok Sena. Sarah seterusnya melanjutkan pengajian di SMK Pokok Sena dan semasa belajar di Tingkatan Empat, beliau telah berpindah ke Sekolah Menengah Teknik Seberang Perai.

Penglibatan secara aktif di peringkat sekolah membentuk jati diri dan keperibadian Sarah apabila diberi kepercayaan serta tanggungjawab sebagai Pengawas Sekolah pada 2008-2010, Penolong Ketua Pengawas



pada tahun 2013 selain menjadi Ketua ASPURI (Ketua pelajar blok asrama perempuan) pada tahun yang sama. Sejak zaman sekolah lagi beliau aktif iaitu dalam bidang olahraga dan kadet bomba.

Terus Cemerlang di UMT

Keterbukaan dan pendedahan yang luas diberikan di peringkat sekolah telah membantu Sarah meneruskan usaha dengan menyerlahkan lagi potensi diri di peringkat universiti. Pencapaian yang dikecapi Sarah boleh dibanggakan sepanjang bergelar mahasiswa Universiti Malaysia

Terengganu. Dalam bidang Kepimpinan, Sarah merupakan ahli Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2016/17 yang memegang Portfolio Exco Keselamatan dan Kesihatan. Selain itu, Sarah aktif dalam badan beruniform di UMT. Sebagai Timbalan Presiden KOR Siswa Siswi Pertahanan Awam (KOR SISPA) telah membantu menaikkan nama KOR SISPA UMT di peringkat kebangsaan menerusi penglibatan beliau dalam Simulasi Bencana dan Menyelamat. Beliau sekali lagi diberi kepercayaan iaitu sebagai Ketua Pasukan Medik dan Menyelamat di Perhimpunan KORSISPA Kebangsaan dalam

pertandingan Civil Defense Skill Challenge di UPSI 2016. Penglibatan Sarah selama dua kali pertandingan tersebut secara tidak langsung memacu kumpulannya


membawa pulang pingat perak dan gangsa bagi beberapa acara yang disertainya. Walaupun bergiat aktif dalam beberapa bidang kokurikulum di universiti,

seorang yang OKU (penglihatan) namun semangat dan kecekalan untuk membesarkan beliau bersama adik-beradik yang lain sangat hebat.

Sarah kini aktif sebagai Pengarah Program Ekspedisi Gunung Tahan, di mana objektif bagi projek ini adalah untuk penanaman pokok *forest clean up and knowledge transfer* di perkampungan Orang Asli.

Beliau menyeru kepada mahasiswa UMT untuk terus bergiat aktif dalam program universiti kerana bukan mudah untuk mendapat sesuatu ilmu dan pengalaman melainkan dengan pengorbanan. Teruskan perjuangan sebagai mahasiswa dengan merealisasikan impian dan harapan ibu ayah serta keluarlah dari zon selesa kerana industri sekarang memerlukan buah pemikiran dari generasi yang holistik. *Talent wins the games, but your skill and intelligence win the championship.*

Selepas tamat belajar, Sarah berharap agar beliau dapat terus berbakti kepada masyarakat dan negara selagi beliau mampu. Bercadang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang logistik dan maritim sekiranya diberi peluang serta berhajat untuk menubuhkan perusahaan sendiri dalam bidang penternakan.



Kenangan Sarah ketika di London

ke arah kejayaan di mana KOR SISPA UMT telah menjadi Johan Keseluruhan Pertandingan selama tiga tahun berturut-turut.

Malahan, Sarah juga aktif dalam misi sukarelawan di mana beliau telah melibatkan diri secara aktif dalam beberapa misi bantuan banjir di Pantai Timur dari tahun 2014-2017. Dalam arena sukan pula, Sarah merupakan atlet bagi sukan olahraga dan balapan. Beliau telah menyertai beberapa kejohanan olahraga antaranya UNIMAP Open dan Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2015 dengan kejayaan

namun pelajarannya tidak pernah diketepikan. Sarah telah mendapat Anugerah Dekan pada semester lepas, secara tidak langsung memberinya semangat untuk terus berusaha supaya tidak ketinggalan dalam pelajarannya dan boleh bersaing seiring dengan rakan mahasiswa yang lain.

Ibu OKU idola

Sebagai seorang yang *committed and looking forward*, Sarah menjadikan motivasi diri adalah satu platform yang terbaik untuk rangsangan semangat dan cernaan minda. Ibu beliau sentiasa dijadikan idola, walaupun ibunya

Sambutan Hangat di Bicara Santai Bersama Ustaz Hadi Fayyadh

oleh: Mohammad Asyraf Adhwa Masimen


Buat julung kalinya, Exco Kerohanian dan Sahsiah Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Program Bicara Santai yang berkisarkan kehidupan di alam barzakh.

Bagi melaksanakan bicara santai ini, Ustaz Hadi Fayyadh telah dipilih sebagai penceramah jemputan kerana buku penulisan beliau iaitu; *Semusim di Barzakh* dan *Ketika Azazil Berputus Asa* banyak berkisarkan mengenai alam barzakh.

Gaya penyampaian ceramahnya yang santai dan bersahaja telah berjaya mendapat sambutan lebih kurang 300 pelajar UMT ketika bicara santai ini diadakan di Auditorium Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah pada 12 Mac 2017.

Penulis novel *bestseller* itu berkata bahawa beliau kagum dengan sambutan yang diberikan oleh pelajar-pelajar UMT kerana beliau tidak menyangka bahawa ramai pelajar UMT akan menyertai bicara santai beliau.

Walaupun ceramah Ustaz Hadi Fayyadh dalam keadaan santai, namun pengisian ceramahnya



amat mendalam dan padat, sekali gus dapat menyedarkan para peserta bahawa pentingnya untuk melakukan amal ibadah dan kebaikan dalam kehidupan sehari.

Selepas kejayaan siri yang pertama, Sahabat YADIM UMT dan HIMSAC UMT dengan kerjasama MPP UMT sekali lagi mengundang Ustaz Hadi Fayyadh ke UMT bagi menyampaikan ceramah yang bertajuk *Dajjal VS Mahadi: Rise an Empire* yang diadakan di Dewan Syed Jalaluddin pada 22 Mac 2017.

Tidak cukup dengan dua siri sebelum ini, Kelab HISSAC dengan kerjasama pihak MPP UMT sekali lagi mengalu-alukan kedatangan Ustaz Hadi Fayyadh untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk; *Muhasabah Barzakh* atas permintaan ramai yang turut diadakan di Dewan

Syed Jalaluddin pada 27 April 2017.

Siri kedua dan ketiga tersebut juga telah berjaya mendapatkan peserta hampir 350 orang untuk setiap satu siri dan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar UMT gemar akan gaya Ustaz Hadi Fayyadh dalam menyampaikan ceramah kerohanian.

Akhir kalam, diharapkan para peserta yang menyertai bicara santai Ustaz Hadi Fayyadh tersebut dapat mengambil pengajaran yang disampaikan dalam bicara santai tersebut untuk kebaikan bersama dan pihak MPP UMT mengalu-kelab-kelab di UMT untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak MPP UMT dalam melaksanakan aktiviti pelajar kerana Kepimpinan Mahasiswa, Asas Penyatuan.

Kelab Mahasiswa Pengurusan Pemasaran

oleh: Muhammad Najmi Nazari

Kelab Mahasiswa Pengurusan dan Pemasaran atau lebih dikenali sebagai Mar'c merupakan badan kelab akademik di Universiti Malaysia Terengganu. Ahli-ahli kelabnya merupakan pelajar jurusan pengurusan pemasaran di UMT. Ini bermakna, pelajar yang mengambil jurusan pemasaran secara automatiknyanya menjadi ahli Mar'c.

Bermula pada sesi 2016/17, Mar'c berada di bawah penaung dan penasihat yang baharu iaitu Dr. Zuha Rosufila Abu Hasan selaku Penaung dan Dr. Fahira Syaliza Mokhtar selaku Penasihat. Sepanjang sesi-sesi 2016/17 ini, Mar'c telah mengadakan beberapa aktiviti untuk ahli kelabnya. Aktiviti pertama yang dijalankan adalah Majlis Jalinan Ukhwah Pelajar Sarjana Muda Pengurusan Pemasaran yang bertujuan mengeratkan hubungan antara pelajar tahun 1, 2 dan 3 di samping beramah mesra dengan pelajar baharu. Program ini mengandungi pelbagai aktiviti yang berlangsung hanya satu hari dari pagi sehingga malam.



Mar'c juga telah menyertai Iftar Jama'ie dengan gabungan bersama sahabat masjid UMT. Ia merupakan program pertama Mar'c bersama dengan sahabat masjid UMT. Bagi mewar-warkan kewujudan kelab, Mar'c telah menyertai Karnival Jom Masuk Kelab yang berlangsung di Dataran Canselori. Karnival yang berlangsung tiga hari ini berjaya menarik minat pelajar untuk mengenali Mar'c dengan lebih dekat. Seterusnya Mar'c menganjurkan sukan Mar'c dan sukan yang ditawarkan adalah

futsal, bola jaring dan bola tampar. Ia bagi menyerlahkan bakat yang ada di dalam diri pelajar seterusnya dapat ditonjolkan bagi mewakili pusat pengajian dan universiti.

Program seterusnya adalah Family Day di mana, Mar'c telah bergabung dengan Gerakan Pengguna Siswa (GPS) untuk menjayakan program ini. Program yang berlangsung hanya satu hari ini telah diadakan di pesisiran pantai Tok Jembal. Kejayaan program ini dapat dilihat dengan penyertaan peserta yang cukup



menggalakkan. Ahli Mar'c juga telah menyertai Sukan Antara Pusat Pengajian (SUAPP) yang telah dianjurkan oleh pihak universiti. Walaupun tidak dapat merangkul juara keseluruhan tetapi keputusan yang diperolehi sungguh memberangsangkan bagi Pusat Pengajian Pengurusan Pengajian dan Maritim. Bagi mengikuti segala perkembangan Mar'c, boleh mengunjungi laman rasmi kami di [facebook.com/marcumtoofficial](https://www.facebook.com/marcumtoofficial) atau di Instagram ([marc_umtoofficial](https://www.instagram.com/marc_umtoofficial)).



UPAC Ruang Mahasiswa Fizik Kongsi Idea

oleh: Nurul Farhana Ismail

Kelab Mahasiswa Fizik (KEMAFIZ) telah menganjurkan University Physics Association Conference (UPAC) pada 10 - 11 Mac 2017 bertempat di Universiti Malaysia Terengganu. UPAC merupakan satu program akademik, kokurikulum dan kemasyarakatan di mana setiap pelajar di bawah kepimpinan kelab fizik berpeluang meningkatkan kemahiran komunikasi, kepimpinan dan keusahawanan.



Selain itu, aktiviti penyelidikan pembangunan, pengkomersialan boleh dilaksanakan secara kolaborasi dengan Universiti Awam. Ia juga turut memberi peluang kepada pelajar sasaran untuk lebih mendalami sektor fizik elektronik di Malaysia dengan pendedahan yang lebih mendalam yang akan diterangkan oleh para fasilitator yang telah dilatih untuk memberikan serba sedikit maklumat mengenai bidang fizik dari segi pembelajaran sehingga latihan industri yang boleh dikongsikan untuk menjadi panduan di masa hadapan. Penasihat KEMAFIZ ialah pensyarah Pusat Pengajian Sains Asas (PPSA), Prof. Madya Dr. Mohamad Ikmar Nizam Hj. Mohamad Isa.

Ahli Jawatankuasa program terdiri daripada ahli KEMAFIZ seramai 18 orang. Peserta UPAC terdiri dari UKM, USIM, USM dan 17 orang dari UMT. Fasilitator terdiri daripada empat orang pelajar Tahun 3 Sarjana Muda Sains (Fizik Elektronik dan Instrumentasi) sesi 2016/2017. Pengarah Program UPAC ialah Saudara Mohamad Helmi Karim yang merupakan pelajar FEDI Tahun 3.

Aktiviti UPAC

Program UPAC dimulakan dengan sesi "Ice Breaking" telah dilakukan



Semua peserta dibawa untuk melawat galeri AKUATROP di bangunan Hatcheri .

bagi membina ukhwa antara peserta dari UMT, UKM, USIM dan USM. Bagi Slot 1: "Introductory" iaitu memperkenalkan Kelab Fizik setiap universiti antara peserta. Setiap universiti akan membincangkan perkara berikut: nama kelab, ahli jawatankuasa kelab, bilangan ahli kelab, aktiviti tahunan dan program-program yang telah dijalankan oleh setiap exco kelab. Aktiviti "chill and grill" iaitu aktiviti BBQ dan beberapa aktiviti yang lain seperti *Travelling Rubber Band*, *Musical Chair*, *Water Balloon* dan *Limbo* juga telah dijalankan.

Bagi Slot 2: "Round Table" iaitu memberi dan berkongsi idea serta pendapat dalam menguruskan kelab terhadap cara pentadbiran dan pengurusan kelab di universiti, kerjasama antara ahli kelab, pentadbiran universiti kepada kelab, pengurusan dalam aktiviti

yang dijalankan berserta dengan kewangan aktiviti, isu-isu yang akan dibangkitkan

- i) Bagaimanakah promosi program untuk ahli jawatankuasa dan peserta.
- ii) Pelaksanaan dan prosedur untuk gerak kerja sebuah program

Sesi soal jawab dibuka setelah selesai perbincangan oleh semua universiti. Persidangan meja bulat II telah membincangkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan akademik seperti berikut:

- Perkembangan kerjaya alumni kelab setelah tamat pengajian.
- Cara pengurusan Latihan Industri dan Projek Ilmiah Tahun Akhir, PITA.
- Subjek-subjek akademik yang berkaitan fizik yang ditawarkan di bawah bidang pengajian dan kepentingan.



"Touring UMT" iaitu mengenali tempat menarik dalam kawasan kampus UMT.



Bagi Slot 3: "Touring UMT" iaitu mengenali tempat-tempat menarik di kawasan universiti, semua peserta telah dibawa untuk melawat galeri AKUATROP di bangunan Hatcheri.

Bagi Slot 4: "World Cafe Physics" iaitu merancang dan bertukar idea mengenai aktiviti kelab. Semua peserta telah dibahagikan dalam empat kumpulan di mana setiap

kumpulan diketuai oleh seorang ketua. Setiap kumpulan akan berbincang selama 15 minit dan memberi idea mengenai perancangan sebuah aktiviti yang dipilih oleh ketua kumpulan. Pada akhir program, cabutan dilakukan antara ketua kumpulan untuk memilih universiti yang akan mengendalikan program UPAC yang seterusnya.

Program UPAC ini adalah

program yang berimpak tinggi bagi KEMAFIZ kerana pertama kali dijalankan dan mendapat input yang berguna hasil perbincangan daripada peserta universiti lain. Hubungan silaturrahim juga telah dapat dikekalkan sehingga ke hari ini. Seharusnya program ini menjadi contoh kepada kelab-kelab lain di UMT kerana banyak manfaatnya melalui pertukaran idea dan pendapat.

Kenali Kelab

Amatur Intelektual

oleh: Siti Nur Hidayah Jasmi

Kelab Amatur Intelektual (KAI), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), atau lebih mesra dikenali dengan panggilan “KAI UMT” merupakan sebuah Kelab Sosial Islamik yang tidak asing lagi dalam kalangan pelajar UMT. Penubuhan kelab ini berteraskan visi yang jelas iaitu, ke arah pembelaan kebajikan mahasiswa dalam membina nilai profesional dan intelektual berpaksikan kepatuhan kepada agama dan kesetiaan kepada bangsa dan negara.

KAI juga mensasarkan tiga misi utama iaitu; menjana nilai intelektual dengan memberi kefahaman terhadap ahli dengan unsur kepimpinan dalam menghasilkan pimpinan yang berorientasikan pemikiran global, menumpukan perhatian terhadap kebajikan ahli dan khidmat yang sejajar dengan perjuangan mahasiswa dan menerapkan nilai profesional dengan mengadakan aktiviti ilmiah berorientasikan pemikiran modal insan dalam diri khususnya dan mahasiswa umumnya. KAI memilih warna ungu sebagai tema rasmi dan logo

kelab menggambarkan semangat dan kesatuan kelab sesuai dengan motonya; “KAI, Nurturing Your Vision”.

Kewujudan KAI telah menyediakan ruang kepada mahasiswa/i UMT untuk tampil ke tengah masyarakat di dalam mahupun di luar kampus dalam menyampaikan dakwah secara kreatif dan memberi solusi kepada permasalahan, sesuai dengan peredaran masa dan juga keadaan sekeliling. Kepimpinan KAI Sesi 2016/2017 muncul membawa imej yang baharu dengan menonjolkan pembawakan “Islamik Profesional”.

Kekuatan sesebuah organisasi terletak pada kerjasama pimpinan dan ahlinya. Kepimpinan KAI yang terdiri daripada lapan orang pimpinan di Majlis Eksekutif serta 12 orang pimpinan di Majlis Tertinggi menjadi tulang belakang pergerakan dan perjalanan KAI sehingga kini. Seramai 60 orang ahli sekretariat yang sentiasa menyokong dan mendokong kepimpinan KAI mengukuhkan lagi kedudukan dan semangat KAI untuk terus melaksanakan program yang bermanfaat bagi mahasiswa

UMT. SAFIA atau nama penuhnya Saff Siswi KAI yang merupakan sayap kiri kelab yang sentiasa membantu pergerakan dan aktiviti kelab. Sayap kiri KAI ini tampil istimewa dengan memilih warna jambu sebagai tema rasmi serta barisan pimpinannya adalah terdiri daripada mahasiswi sahaja. Penubuhan SAFIA adalah sebagai satu medan atau wadah yang membawa suara mahasiswi khususnya dalam isu-isu kebajikan yang berkait rapat dengan kaum wanita.

Segala perancangan aktiviti mahupun pembawakan KAI pada setiap sesi, KAI sentiasa merujuk dan mewujudkan perbincangan serta mendapatkan pandangan penasihat kelab. Penasihat KAI kini ialah Pensyarah di Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim (4PM), Prof. Madya Dr. Mohd Hassan bin Che Haat.

Barisan pimpinan Kelab Amatur Intelektual sentiasa mengalu-alukan kehadiran mahasiswa UMT ke program dan aktiviti yang dijalankan. Ayuh mahasiswa UMT, jangan lepaskan peluang untuk menjadi salah seorang ahli KAI dan hadir ke program yang dijalankan!

SUAPP 16/17

Capai Matlamat Mahasiswa UMT

oleh: Nurul Farhana Ismail

MPP UMT dan MSP UMT, sekali lagi dengan kerjasama menganjurkan Temasya Sukan Antara Pusat Pengajian (SUAPP) Sesi 2016/2017 yang melibatkan seluruh Mahasiswa UMT. Bezanya keunikan temasya kali ini adalah pihak MPP dan MSP mengeluarkan reka bentuk baju yang sangat unik dan pelajar UMT disyorkan untuk membeli baju tersebut bagi menunjukkan tanda untuk menyokong pusat pengajian masing-masing.

SUAPP kali ini dibahagikan kepada dua fasa di mana fasa pertama terdiri daripada permainan bola keranjang, bola tampar, sepak takraw dan bola jaring manakala fasa kedua pula terdiri daripada futsal, *street soccer*, badminton dan ping pong. Suasana sepanjang temasya tersebut disambut meriah dengan kehadiran pelajar yang menyokong pusat pengajian mereka.

Hampir setiap atlet pusat pengajian menunjukkan aksi hebat di gelanggang permainan akan tetapi Piala Pusingan dimiliki oleh Pusat Pengajian dan Informatik Matematik Gunaan (PPIMG).



kerana berjaya merangkul sebanyak enam emas dan dua perak. Syabas dan Tahniah diucapkan kepada PPIMG.

Di samping bersukan dan beriadah semasa temasya SUAPP ini, dapat dilihat juga keakraban hubungan silaturrahim di antara atlet dan penyokong. Kesibukan serta kusut ketika sesi akademik

adalah disarankan kepada mahasiswa UMT untuk bersukan. Ayuh Mahasiswa turun bersukan dan beriadah!

Dalam berakhirnya temasya SUAPP ini juga Exco Sukan dan Rekreasi MPP UMT, Saudara Ady Syafiq dan Presiden Majlis Sukan Pelajar, Saudara Firdaus ada menyatakan hasrat untuk





meneruskan lagi mutu dan kualiti sukan UMT dalam menganjurkan Kejohanan Olahraga UMT yang diadakan bulan Mei.

Terima Kasih diucapkan kepada pusat Sukan dan rekreasi UMT kerana memberi peluang kepada mahasiswa yang ingin

mencungkil bakat dan kemahiran mereka sekali gus mengangkat sukan UMT ke peringkat seterusnya.



Rugbi

Rempuh atau dirempuh?

oleh: Nazirul Naim

Sejjarah permainan ragbi bermula pada tahun 1823 di sebuah sekolah di England. Permainan ini tercipta daripada perbuatan William Webb Ellis. Semasa bermain bola, tanpa diduga beliau telah menangkap bola dan berlari ke arah gol. Melibatkan perbuatan Ellis, rakannya terus mengejar dari belakang, akhirnya terjadilah pergelutan di kalangan mereka dalam usaha merebut bola itu. Perbuatan Ellis itu diikuti pula oleh kawannya yang lain. Maka dari situlah bermulanya satu permainan baharu. Bagaimanapun, ketika itu tiada siapapun yang mahu menerima perbuatan Ellis dan rakan-rakannya untuk dikembangkan sebagai sukan. Hanya kira-kira setengah abad kemudian, selepas Ellis meninggal dunia barulah perbuatan itu diingat kembali. Seorang rakannya Mattheur Blaxom telah menceritakan kembali perbuatan Ellis di dalam artikelnya dalam majalah The Meteor tahun 1888. (<https://ms.wikipedia.org/wiki/Ragbi>)



Atlet ragbi Stingrays UMT di Terengganu Closed 2015.

Ragbi mula diperkenalkan di Malaysia selepas perang dunia pertama. Mengikut sejarah, sukan ini pada awalnya bermula di Negeri Sembilan. Beberapa orang pemain termasuk pegawai-pegawai Eropah telah menjalani latihan di Padang Stesen, Seremban. Kemudiannya, tertubuhlah Kelab Ragbi pertama di negara ini. Seramai 50 orang ahli telah mendaftarkan diri. Dari Negeri Sembilan, ragbi berkembang ke Selangor, Perak, Pulau Pinang

dan Singapura. Kelab ragbi pula turut ditubuhkan seperti The Edwardians di Taiping, The Birch Rompers dari Perak, The Penang Asians dan Kelab Selangor dari Kuala Lumpur. Pada tahun 1934, perlawanan ragbi antara negeri yang pertama telah diadakan, iaitu bagi merebut Piala All Blues. Perak muncul sebagai juara. Seterusnya pertandingan ini telah diadakan setiap tahun hinggalah tahun 1963. Apabila Kesatuan Ragbi (KRM) ditubuhkan, pertandingan antara



Naib johan di Kejohanan Piala Pengarah IPGK Dato' Razali Ismail 2017.

negeri ini telah ditukar dengan
Pertandingan Bawah 23 Tahun.

Ragbi di UMT

Ragbi merupakan sebuah sukan yang membangun di negara Malaysia. Hal ini demikian kerana, bersesuaian dengan saranan Menteri Belia Sukan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Haji Khairy Datuk Seri Dr. Ir. Sir Haji Jamaluddin iaitu slogan yang



dikenalkan kepada semua pelajar di Malaysia '1Murid 1 Sukan' dan 'Program Pembangunan Ragbi Negara (NRDP)' yang dilancarkan pada 2016. Sukan ini telah mendapat banyak sambutan daripada pelbagai lapisan umur masyarakat tidak kira lelaki atau perempuan. Justeru itu, Universiti Malaysia Terengganu tidak ketinggalan dalam menubuhkan sebuah pasukan ragbi digelar Stingrays UMT.

Kelab Stingrays UMT dianggotai oleh pelajar ijazah sarjana muda Tahun 1 sehingga Tahun 4. Sehingga ke hari ini, pelbagai kejayaan telah diraih demi mengharumkan nama Universiti Malaysia Terengganu di persada negara. Walaupun prasarana yang disediakan sekadar memadai untuk digunakan semasa latihan, namun itu bukan satu halangan kerana semangat jitu dan berdaya saing telah dipamerkan oleh setiap pemain ketika menyertai kejohanan ragbi melibatkan kelab-kelab ternama. Suntikan semangat buat semua atlet kerana telah menjadi naib johan pada Kejohanan Piala Pengarah IPGK Dato Razali Ismail. Diharapkan agar semua atlet ragbi Stingrays terus kekal cemerlang di setiap kejohanan yang disertai. "Demi lencana di dada"

Antara kejohanan yang terbaru disertai oleh Kelab Stingrays UMT adalah:



Aksi pemain wanita di Kejohanan Ragbi Sentuh anjuran Kelab Stingrays UMT.

- COMBAT 10'S 2014
- MASUM 7'S UPM 2015
- UIA 10'S 2015
- Terengganu CLOSED 7'S 2015 (4TH PLACING)
- Terengganu CLOSED 7'S 2016
- KEJOHANANAN PIALA PENGARAH IPGK DATO RAZALI ISMAIL (RUNNERS-UP CUP)



KATA-KATA HIKMAH

Informasi

*When people
do not appreciate you...
When people are trying to
bring you down...
TRUST Allah...
Our success and failure
is in the hands of Allah
NOT people...*

(YH Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor, 6 Mei 2017)